

surat daripada pengerusi



“Guinness Anchor Berhad mengakhiri tahun kewangannya dengan mencatat keuntungan sebelum cukai RM142.21 juta, meningkat 1.2 peratus daripada RM140.52 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan ini diperolehi daripada hasil perolehan yang bertambah 2.5 peratus daripada RM952.11 juta pada tahun sebelumnya kepada RM976.01 juta.”

Tan Sri Saw Huat Lye

1. *One goal. Tiger FC unites*
Satu matlamat. Tiger FC bersatu
2. *Challenge. Hands on with Guinness' cold turkey contest*
Cabaran. Menerima cabaran pertandingan "cold turkey" Guinness
3. *Energised. Malta for vitality*
Bertenaga. Malta menambah keceriaan



surat daripada pengerusi

KETABAHAN, SENJATA GAB TEMPUH CABARAN

Bila direnungkan kembali, saya dapati bahawa tahun kewangan yang baru berlalu dipenuhi dengan pelbagai cabaran. Kita terpaksa menempuh banyak kegetiran dan kesusahan. Persekitaran pasaran bertambah sukar akibat daripada kenaikan 26.7 peratus cukai eksais yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2005 berlarutan memasuki tahun kewangan yang seterusnya. Kemudian, kali ketiga berturut-turut kenaikan cukai eksais yang diumumkan dalam Belanjawan 2006 juga telah membantutkan harapan untuk memulihkan pasaran.

Maka itu, GAB terpaksa beroperasi dalam keadaan pasaran yang sangat sukar dan mencabar, bukan sahaja disebabkan oleh kenaikan terbaru cukai eksais 9 peratus, tetapi juga diburukkan lagi oleh kenaikan harga minyak petrol dan tarif elektrik.

Namun, kita bernasib baik kerana dengan ketabahan kita dan jenama-jenama kita yang kukuh, kita mempunyai daya ketahanan untuk mengharungi keadaan sukar ini dan sekali lagi menyumbangkan prestasi kewangan yang boleh dibanggakan bagi tahun berakhir 30 Jun 2006.

Sukacita saya melaporkan bahawa Guinness Anchor Berhad mengakhiri tahun kewangannya dengan mencatat keuntungan sebelum cukai RM142.21 juta, meningkat 1.2 peratus daripada RM140.52 juta pada tahun sebelumnya. Keuntungan ini diperolehi

daripada hasil perolehan yang bertambah 2.5 peratus daripada RM952.11 juta pada tahun sebelumnya kepada RM976.01 juta.

Dalam persekitaran yang sebegitu getir, ini adalah satu pencapaian yang sungguh memberangsangkan.

Menongkah Arus

Kenaikan cukai eksais tiga tahun berturut-turut telah menjejaskan pasaran arak malt (PAM). Apabila kesan kenaikan cukai eksais ini dirasakan sepenuhnya, PAM telah susut hampir 8 peratus.

Kemerosotan PAM ini adalah disebabkan oleh kekurangan pengambilan akibat harga runcit yang lebih tinggi dan juga kegiatan penyeludupan yang meningkat. Cukai eksais yang tinggi telah meningkatkan kegiatan penyeludupan meskipun Kerajaan mengambil langkah-langkah tegas untuk membanterasnya. Untuk menempuh cabaran-cabaran ini, GAB terpaksa menggunakan kekuatan dalaman, yang diperolehi daripada keberkesanan organisasi, kecekapan operasi dan kepelbagaian jenama yang bergabung telah menjadi formula kemenangan bagi GAB.

Syabas kepada semua Lembaga Pengarah kerana berpandangan jauh dan telah melabur terlebih dahulu dalam inisiatif-inisiatif seperti



surat daripada pengerusi

automasi breweri, inovasi produk dan proses, langkah-langkah mengurangkan kos, dan usaha pemasaran dan promosi untuk memberikan kekuatan kepada GAB menangani keadaan-keadaan pasaran yang kian mencabar.

Berpegang kepada nilai-nilai – *Pengguna Kita: Nyawa Kita; Kakitangan dan Rakan Kongsi Kita: Nadi Kita; Jenama-Jenama Kita: Kebanggaan Kita* – GAB telah berjaya membina budaya korporat yang telah membolehkan Syarikat meramal dan memenuhi pelbagai keperluan dengan pelbagai portfolio jenama dan semangat kemenangan.

Dengan kekuatan ini, GAB telah bersedia untuk mencapai prestasi yang lebih baik dalam persekitaran pasaran yang lebih menggalakkan. Kami berasa gembira dan menyambut baik langkah bijak Kerajaan untuk tidak mengenakan satu lagi pusingan kenaikan cukai eksais dalam Belanjawan 2007.

Selaras dengan prestasi kewangan yang baik pada tahun kewangan dalam tinjauan, sukacita saya mengumumkan bahawa Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir 29 sen kasar sesaham 50 sen tolak cukai pendapatan Malaysia 28 peratus. Ini akan menjadikan jumlah dividen bagi tahun kewangan yang lalu 42 sen kasar sesaham 50 sen, berbanding 41 sen kasar sesaham 50 sen pada tahun sebelumnya.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham dan pemegang kepentingan kami di atas sokongan berterusan yang sangat penting kepada GAB untuk menjana kejayaan. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan, khususnya kepada pihak pengurusan dan kakitangan di atas dedikasi dan komitmen mereka, dan juga kepada para pengedar, peruncit dan pembekal kami di atas sokongan padu mereka yang telah memberikan kekuatan kepada Syarikat untuk menempuh berbagai cabaran.

Dan yang paling penting sekali, ucapan terima kasih kepada para pengguna yang sentiasa setia kepada jenama-jenama kami.

Terima kasih.

Tan Sri Saw Huat Lye
Pengerusi
18 September 2006